



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 13/7/2011 |

Desak Najib letak jawatan di Facebook biadab

KUALA LUMPUR: Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd Shafei Apdal berkata kewujudan 'fan page' di laman sosial Facebook yang mendesak supaya Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak meletak jawatan adalah tindakan biadab dan tidak bertanggungjawab.

Katanya, tindakan berkenaan adalah antara usaha terbaru sesetengah pihak yang dipercayai didalangi oleh penyokong pakatan pembangkang supaya dapat mempengaruhi orang ramai agar percaya dengan propaganda bahawa rakyat kini sudah tidak lagi mempercayai kepimpinan Perdana Menteri.

"Ini hanya sebagai helah untuk mempengaruhi orang supaya per-

caya dengan propaganda yang didalangi pakatan pembangkang selepas usaha mereka untuk mencetuskan huru-hara menerusi perhimpunan haram Sabtu lalu, tidak berjaya.

"Seperti biasa, mereka (pakatan pembangkang) akan memutar belit semua fakta yang ada. Mereka hanya sokong jika ia menguntungkan diri mereka saja tetapi mereka akan cepat melatah jika keadaan sebaliknya," katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Pemaju Masyarakat Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) S27 Wilayah Persekutuan, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah KEMAS, Datuk Abdul Puhat Mat Na-

yan dan Setiausaha Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Abdul Shukor Mahmod.

Katanya, tidak ada sebab untuk Perdana Menteri perlu meletakkan jawatan kerana melalui kepimpinan beliau, negara ini terus mengalami pembangunan pesat selain ia turut dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

"Tidak ada sebab untuk desak beliau letak jawatan. Sejak mengambil alih kepimpinan negara, beliau sentiasa bekerja keras demi kesejahteraan rakyat setiap hari.

"Ini semua taktik jahat yang cuba dimainkan oleh mereka untuk memburukkan Perdana Menteri selepas banyak usaha yang mereka lakukan tidak berjaya. Bahkan, me-

reka juga takut dengan populariti Perdana Menteri yang semakin mendapat kepercayaan daripada rakyat keseluruhannya berikutan kejayaan dalam beberapa siri pilihan raya kecil dan pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak yang lalu," katanya.

Mohd Shafei yang juga Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, berkata tindakan pakatan pembangkang dan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) mengadakan perhimpunan haram pada Sabtu lalu memperlihatkan sikap mereka yang sebenar iaitu berjuang untuk kepentingan diri sendiri dan bukan untuk rakyat seperti yang dilaungkan sebelum ini.